



**KES rayuan Najib Tun Razak selepas didapati bersalah dalam kes seleweng dana SRC International Sdn. Bhd. akan diputuskan pada 8 Disember ini. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

# SRC International: Rayuan Najib diputuskan 8 Disember

UM - 24/11/2021  
m/s: 10

**PUTRAJAYA:** Rayuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta selepas didapati bersalah atas penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd. akan diputuskan pada 8 Disember.

Tarikh itu dimaklumkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah, Istana Kehakiman di sini melalui satu kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu, keputusan akan dibuat oleh panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil. Turut bersidang ialah Hakim Abdul Karim ialah Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin

Meera.

Pada tarikh itu, panel terbabit akan membuat keputusan sama ada mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 27 Julai 2020 atau membebaskan Najib daripada sabitan salah yang dibuat sekali gus membatalkan hukuman penjara dan denda terhadapnya.

Namun apa juga keputusan Mahkamah Rayuan nanti, pihak yang terlibat, Najib dan pendakwa, masih mempunyai peluang terakhir untuk merayu di Mahkamah Persekutuan.

Najib memfailkan notis rayuan tersebut pada 30 Julai 2020 selepas tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mohd. Na-

zlan Ghazali dan rayuan tersebut telah didengar selama 15 hari bermula 5 April lalu.

Ketika memfailkan petisyen rayuan, Najib mengemukakan 307 alasan kenapa beliau tidak patut didapati bersalah.

Pada 27 Julai 2020, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mensabitkan Najib dengan tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana SRC International berjumlah RM42 juta.

Tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadap Najib membabitkan tiga pertuduhan pecah amanah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kuasa melibatkan dana syarikat itu.